



KERTAS KERJA
PROJEK BORNEO
[SABAH & SARAWAK]
TAHUN 2019





**TAJUK PROGRAM
PROJEK BORNEO [SABAH & SARAWAK] TAHUN 2019**

**TARIKH PROGRAM
TAHUN 2019**

**TEMPAT PROGRAM
KAWASAN PEDALAMAN DI SABAH DAN SARAWAK**

**PENGANJUR
YAYASAN IKHLAS**

**DISEDIAKAN OLEH
SYAFIQ SYAHMI SAZALI
PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS**

ISI KANDUNGAN

No	Huraian	Muka Surat
1	Tujuan	4
2	Pendahuluan / Pengenalan	4
3	Objektif	6
4	Sasaran	6
5	Program Projek Borneo	7
6	Pelaksanaan Program Projek Borneo 2019	7
7	Urusetia Projek Borneo	10
8	Anggaran Perbelanjaan Projek Borneo	11
9	Penutup	11
10	Lampiran 1	12

1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini dikemukakan bertujuan untuk memohon **KERJASAMA BAGI MENJAYAKAN PELAKSANAAN PROJEK BORNEO PADA TAHUN 2019.**

2.0 PENDAHULUAN / PENGENALAN

Malaysia sebuah negara yang menuju Negara Maju menjelang 2020 kini mempunyai kepadatan penduduk seramai 32 juta di seluruh 14 negeri. Namun di sebalik kemajuan sesebuah negara, tidak dinafikan sebenarnya masih juga ada keciciran yang berlaku.

Pada tahun 2016, menunjukkan jumlah kemiskinan di Malaysia adalah seramai 4% iaitu seramai 129,600 orang miskin di Malaysia. Ini adalah satu angka kecil jika dibandingkan dengan populasi penduduk seramai 32 juta. Data tahun 2012, menunjukkan kemiskinan di Malaysia majoritinya adalah datang dari bumiputera, berbanding etnik lain. Dan data tahun 2012 juga menunjukkan Sabah dan Sarawak adalah antara 3 negeri terbawah yang paling ramai kemiskinan.

Projek Borneo yang akan dijalankan Yayasan Ikhlas ini akan memfokuskan Sabah dan Sarawak atas justifikasi ini. Bantuan yang dikumpulkan akan diserahkan kepada masyarakat di Sabah dan Sarawak yang memerlukan.

SARAWAK

Negeri Sarawak merupakan sebuah negeri yang terbesar di Malaysia dengan keluasan 124,451 km² yang menempatkan seramai 2.79 juta penduduk. Sarawak mempunyai 12 bahagian dan 32 daerah antaranya Kuching, Samarahan, Kapit, Sibul, Bintulu, Serian, Sarikei, Betong, Miri dan Limbang.

Masyarakat Sarawak merupakan sebuah masyarakat majmuk yang berada dalam situasi yang sensitif sekiranya tidak diuruskan dengan bijaksana. Ia terdiri daripada gabungan pelbagai agama dan puluhan etnik dan bahasa seperti Melayu, Cina, India, Melanau, Bidayuh, Iban dan Orang Ulu (gabungan etnik Kenyah, Kayan, Penan, Punan, Kejaman, Lahanan, Sekapan, Seping, Ukit, Sihan dan Tanjong).


Akan tetapi, secara amnya, ia terbahagi kepada bumiputera (penduduk asal) dan bukan bumiputera (bangsa yang pada asalnya bukan penduduk asal dari Sarawak). Bumiputera pula terbahagi kepada kepada dua bangsa yang utama, iaitu Melayu (Melayu dan Melanau kebiasaannya dikaitkan sekali kerana terdapat

beberapa persamaan di antara keduanya. Melayu majoritinya muslim dan sebahagian Melanau pula terdapat yang bukan islam) dan Dayak (majoritinya Kristian). Di dalam setiap kampung, peratusan penganut Islam hanya 1 hingga 3.5% sahaja, satu bilangan kecil dibandingkan dengan seluruh penduduk lain.

Sarawak amat-amat memerlukan usaha bantuan yang berterusan kerana melihat kepada demografi kawasannya yang luas. Terdapat masyarakat yang memerlukan bantuan masih tertinggal menerima bantuan yang disampaikan dari pihak luar.

Yayasan Ikhlas juga melihat keperluan bimbingan kepada masyarakat Sarawak khususnya para mualaf bagi meningkatkan kefahaman mereka mengenai asas-asas islam serta memberikan satu imej yang baik kepada islam di mata orang bukan islam dengan kaedah *dakwah bil haal* (dakwah yang mengkedepankan aspek pelaksanaan).

Pecahan demografi di Sarawak adalah seperti berikut:



Data pada tahun 2015 menunjukkan 42.65% penduduk Sarawak masih tinggal di luar bandar. Dan dari data E-Kasih pada tahun 2016, Sarawak adalah negeri nombor 1 teramai orang miskin dan miskin tegar.


SABAH

Sabah merupakan sebuah negeri berkeluasan 73,904km² yang menempatkan 3.9 juta penduduk. Di negeri ini, terdapat 5 bahagian yang merangkumi 25 daerah. Pada tahun 1971, Agama Islam diumumkan sebagai agama rasmi di Negeri Sabah setelah mendapat kelulusan daripada Dewan Undangan Negeri kerana penduduk Islam mencapai 60% penganut di Sabah. Rentetan daripada itu, Majlis Ugama

Islam Sabah telah ditubuhkan pada 1791 bagi mengurus tadbir hal ehwal Islam. Sabah mencatatkan kepadatan penduduk kedua tertinggi seluruh negara selepas Selangor iaitu 3.9 juta orang pada 2017.

Pada tahun 2015, data menunjukkan seramai 1.64 juta bersamaan 42.05% penduduk negeri Sabah masih tinggal di luar bandar. Data e-Kasih tahun 2016, Sabah adalah negeri kedua ramai orang miskin dan miskin tegar.

Berikut adalah pecahan demografi penduduk mengikut agama dan etnik di Sabah :



3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Menyampaikan bantuan kepada masyarakat di kawasan pedalaman tanpa mengira agama, etnik dan bahasa
- 3.2 Menjalankan misi bimbingan kepada masyarakat muallaf di kawasan pedalaman akan kefahaman asas Islam
- 3.3 Menyampaikan kesedaran kepada masyarakat umum akan situasi sebenar di Sabah dan Sarawak

4.0 SASARAN

Projek Borneo ditumpukan ke kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak yang memfokuskan kawasan perkampungan muallaf dan kawasan orang miskin. Penerima bantuan akan diberikan kepada semua tanpa mengira etnik, agama dan bangsa.

Kawasan-kawasan pedalaman yang dipilih akan dijalankan tinjauan oleh sukarelawan Yayasan Ikhlas di kawasan berkenaan.

5.0 PROGRAM PROJEK BORNEO

Yayasan Ikhlas pada tahun sebelumnya telah menjalankan program-program ini, cuma tidak disatukan dalam satu projek. Sepanjang program-program ini dilaksanakan, Yayasan Ikhlas tidak bergerak seorang, sebaliknya memerlukan rakan kerjasama untuk menjayakannya. Antara rakan kerjasama yang membantu:

Badan Pelaksana Bersama	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) • Jabatan Agama Islam Negeri (JAIS) • Harakah Islamiah (HIKMAH) Sarawak • Urusetia Saudara Kita (USK) Sarawak • Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS) • Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) • Persatuan Dayak Muslim Kebangsaan (PDMK) • Pejabat Kesihatan Bahagian (PKB) Negeri Sarawak • Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) • Ikatan Guru-guru Muslim Malaysia (I – Guru) • Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA) • Ikatan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (iMedik) • Universiti Malaysia Sabah (UMS) • Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) • Universiti Teknologi MARA (UiTM) kampus Samarahan
-------------------------	--

Kesemua program disatukan di bawah Projek Borneo. Antara program ialah :

Bil	Program Projek Borneo	Butiran
1	Kit Bantuan Ke Sekolah (KBKS)	Bantuan kepada pelajar dari keluarga memerlukan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri
2	Bantuan Perubatan & Kemanusiaan	Bantuan ke kawasan pedalaman setiap bulan memberi khidmat kesihatan
3	Bakul Kasih Ramadhan (BKR)	Sumbangan Ramadhan berupa wang tunai dan barangan keperluan asas kepada keluarga memerlukan
4	Ibadah Korban	Ibadah Korban berkonsepkan program komuniti bersama penduduk di kawasan pedalaman Borneo
5	Anjung Ikhlas : Pengajian Muallaf Mingguan	Beberapa orang Daie bertugas di kawasan pedalaman mendidik masyarakat dan komuniti saudara baru kita kepada kefahaman Islam

6	Bantuan Bencana Alam	Bantuan yang diberikan segera apabila berlaku bencana alam seperti kebakaran, tanah runtuh dan banjir.
---	----------------------	--

6.0 PERLAKSANAAN PROGRAM PADA TAHUN 2019

6.1 Kit Bantuan Ke Sekolah (KBKS)

Kit Bantuan Ke Sekolah ialah inisiatif yang dijalankan Yayasan Ikhlas pada setiap hujung tahun bagi membantu pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan kewangan bagi meneruskan pembelajaran. Yayasan Ikhlas telah melaksanakannya selama 4 siri iaitu pada hujung tahun 2015 seramai 940 pelajar, pada hujung tahun 2016 seramai 844 orang, pada hujung tahun 2017 seramai 959 orang pelajar dan hujung tahun 2018 yang masih berlangsung.

Masa Projek	20 Disember – 31 Disember 2018
Sasaran	600 orang pelajar dari keluarga memerlukan
Sumbangan	Sumbangan RM 200 berupa wang tunai dan tajaan barangan kepada pelajar miskin sekolah menengah sahaja

6.2 Bantuan Perubatan & Kemanusiaan

Program berbentuk misi perubatan ini merupakan satu inisiatif hasil cetus idea daripada Yayasan Ikhlas dan Ikatan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (I-MEDIK) setelah mengambilkira kawasan pedalaman Sarawak yang tidak mempunyai akses yang mudah untuk ke klinik-klinik atau hospital-hospital yang berdekatan serta mempunyai masalah kesihatan yang memerlukan rawatan segera.

Program seperti ini sebenarnya amat-amat diperlukan oleh masyarakat pedalaman kerana kesihatan merupakan satu keperluan kepada manusia lebih-lebih lagi kepada masyarakat pedalaman yang mempunyai masalah kesihatan dan memerlukan perhatian perubatan dengan kadar segera. Ditambah lagi dengan kawasan pedalaman yang memerlukan ke klinik atau hospital, mengambil masa lebih dari 3 jam perjalanan dan menelan kos yang tinggi.

Pemeriksaan kesihatan secara percuma dilihat perlu dijalankan sekali – sekala. Hal ini bagi mengetahui tahap dan taraf kesihatan masyarakat Sarawak khususnya pedalaman seterusnya mengelakkan golongan ini dari diserang penyakit tanpa

disedari dan diketahui. Rawatan segera wajar dijalankan sekiranya didapati mempunyai sebarang penyakit.

Antara bentuk bantuan kesihatan yang diberi ialah :

1. Berkhatan
2. Pemeriksaan kesihatan
3. Pemeriksaan kanser payudara
4. Pemeriksaan perempuan mengandung

Berikut adalah tarikh program Bantuan Perubatan dan Kesihatan tahun 2019:

MISI	TARIKH	TEMPAT
1	20 April – 28 April	TBA
2	28 Sept – 29 Sept	TBA
3	22 Nov – 30 Nov	Kawasan pedalaman dalam Bahagian Kapit

6.3 Bakul Kasih Ramadhan (BKR)

Projek yang dinamakan dengan nama Bakul Kasih Ramadhan (BKR) ini merupakan salah satu daripada program kebajikan tahunan yang dilaksanakan oleh Yayasan Ikhlas dengan kerjasama pelbagai pihak bagi meringankan sedikit bebanan serta mencerikan penerima sumbangan yang terdiri daripada golongan fakir miskin dan asnaf.

Penerima sumbangan antaranya asnaf dari keluarga miskin, anak-anak yatim dan miskin, muafak serta keluarga bukan Islam yang memerlukan bantuan.

Masa Projek	Bulan Ramadhan 2019
Sasaran	1,000 keluarga yang memerlukan
Sumbangan	Sumbangan RM 150 berupa wang tunai dan barangan keperluan asas makanan

6.4 Ibadah Korban

Program Ibadah Korban di setiap kawasan pada tahun 2019 seperti berikut :

Bil	Negeri	Tempat	Masa	Kuantiti
1	Sabah	Keningau & Nabawan	3 hari	20 ekor lembu
2		Kota Marudu, Kudat & Pitas	3 hari	20 ekor lembu
3		3 buah kampung di Sandakan (Kampung Gas, Kampung	3 hari	20 ekor lembu

		Sundang dan Kampung Sungai Sibuga)		
4	Sarawak	Samarahan, Serian & Simunjan	3 hari	10 ekor lembu
5		Kampung Sungai Asap & Pekan Belaga	3 hari	10 ekor lembu
6		Dalat & Mukah	3 hari	15 ekor lembu

6.5 Anjung Ikhlas : Pengajian Muallaf Mingguan

Yayasan Ikhlas melihat keperluan bimbingan kepada masyarakat Sarawak khususnya para muallaf bagi meningkatkan kefahaman mereka mengenai asas-asas islam dengan kaedah *dakwah bil haal* (dakwah yang mengkedepankan aspek pelaksanaan).

Pelbagai program berterusan perlu dijalankan supaya peningkatan kefahaman komuniti muallaf terus konsisten dan tidak kembali kepada agama asal. Usaha ini memerlukan nafas panjang dan seharusnya dilakukan secara terancang dan teliti.

Kerjasama bersama	<ul style="list-style-type: none"> • Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM) • Urusetia Saudara Kita (USK)
Jumlah Daie	Lebih dari 15 orang Daie

6.6 Bantuan Bencana Alam

Bantuan yang disampaikan mengikut keadaan semasa bencana. Kebiasaan bantuan yang disampaikan adalah dari sudut tenaga sukarelawan dan barangan makanan keperluan asas. Bencana yang kebiasaan berlaku ialah kebakaran rumah, tanah runtuh, banjir

7.0 URUSETIA PROJEK BORNEO

Rujuk *Lampiran 1*

8.0 ANGGARAN PERBELANJAAN PROJEK BORNEO

Yayasan Ikhlas telah menjalankan beberapa Projek Borneo (Sabah dan Sarawak) sejak tahun 2014 lagi. Jumlah penerima dari tahun ke tahun telah meningkat setiap tahun menunjukkan sambutan positif dari pelbagai pihak termasuklah rakan kerjasama dalam melaksanakan program ini.

Berikut adalah perbelanjaan bagi setiap program dalam Projek Borneo 2019 :

Bil	Program Projek Borneo	Sasaran	Jumlah Perbelanjaan (RM)
1	Kit Bantuan Ke Sekolah (KBKS)	Penerima seramai 600 orang	RM 120,000.00
2	Bantuan Perubatan & Kemanusiaan	3 misi di kawasan pedalaman Sarawak	RM 200,000.00
3	Bakul Kasih Ramadhan (BKR)	Penerima seramai 1,000 keluarga memerlukan	RM 150,000.00
4	Ibadah Korban	<ul style="list-style-type: none">• 60 ekor di Sabah• 35 ekor di Sarawak	<ul style="list-style-type: none">• Sabah : RM 650 satu bahagian lembu• Sarawak : RM 900 satu bahagian lembu
5	Anjung Ikhlas : Pengajian Muallaf Mingguan	Beberapa buah kampung	RM 412,705.00 (Rujuk <i>Lampiran 2</i>)
6	Bantuan Bencana Alam	-	RM 120,000.00

9.0 PENUTUP

Diharapkan melalui Projek Borneo ini, dapat membina suatu keterikatan yang padu antara masyarakat sasaran dan Yayasan Ikhlas bagi mencapai objektif yang telah digariskan. Dalam masa yang sama, projek ini memberi kesedaran serta peluang dan ruang kepada seluruh masyarakat untuk bersama-sama membantu mereka yang memerlukan, serta membantu usaha mendekatkan masyarakat muallaf di kawasan pedalaman Sarawak akan kefahaman Islam yang sebenar.

AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA

Penasihat : Dato' Mohd Rosli bin Ramli
Pengerusi Yayasan Ikhlas

Jawatankuasa Pelaksana

Pengarah : Ir. Hj. Kamaruddin Kassim
Pengurus Yayasan Ikhlas Cawangan Sabah : Ustaz Sarip Adul
Pengurus Yayasan Ikhlas Cawangan Sarawak : Ustaz Dr Khairul Jamli

Petugas

Syafiq Syahmi Sazali : 012-9790211
Hafeez Bin Morni : 019-4511346
Mohamad Fathil Aqil : 019-6159496
Rabiatul Hasanah Mahmood : 014-8335664
Ustaz Luqman Afifi Sobri : 019-3421384
Arif Anwar Lokmanol Hakim : 014-2549281

Kos Pelaksanaan Anjung Ikhlas (Fardhu Ain & Dakwah Bil Haal)

1.0 Kelas Bimbingan KAFA

Butiran	Harga Seunit (RM)	Kuantiti	Jumlah
			(RM)
ALAT TULIS & KELENGKAPAN KELAS			
Alat tulis & Buku	150.00	LS	150.00
Kertas A4	20.00	25	500.00
Rehal	75.00	200	15,000.00
Whiteboard	150.00	20	300.00
Marker	40.00	20	800.00
Rubber	15.00	20	300.00
BUKU TEKS/LATIHAN PENGUKUHAN			
<u>1). Buku Teks</u>			
<u>KAFA :</u>			
Tahun 1	43.60	50	2,180.00
Tahun 2	43.60	50	2,180.00
Tahun 3	43.60	50	2,180.00
Tahun 4	43.60	50	2,180.00
Tahun 5	43.60	50	2,180.00
Tahun 6	43.50	50	2,175.00
<u>2). Buku Aktiviti</u>			
<u>KAFA:</u>			
Tahun 1	19.60	50	980.00
Tahun 2	19.60	50	980.00
Tahun 3	19.60	50	980.00
Tahun 4	19.60	50	980.00
Tahun 5	19.60	50	980.00
Tahun 6	19.60	50	980.00
Iqra'	15.00	200	3,000.00
Buku Panduan Solat	3.50	200	700.00
Jumlah Keseluruhan			RM 39,705

2.0 Program Komuniti

No.	Butiran	Kekerapan	Jumlah (RM)
1	Ceramah / Program Motivasi Agama	12	15,000.00
2	Program Anak Angkat, Gotong Royong	2	15,000.00
3	Sumbangan dan Ziarah Mahabbah/Ramah Tamah Aidilfitri	1	20,000.00
4	Program Bakul Kasih Ramadhan	1	20,000.00
5	Program Pemeriksaan Kesihatan	4	20,000.00
6	Bantuan Persekolahan	1	40,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			RM 130,000.00

3.0 Kos Pentadbiran

No.	Perkara	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Elaun Daie	20	1,000.00	240,000.00
2	Projektor, Skrin Putih, Meja tempat letak projector & aksesori lain berkaitan	1	2,000.00	2,000.00
3	Kotigensi	1	1,000.00	1,000.00
JUMLAH				243,000.00

Anggaran Perbelanjaan Keseluruhan bagi Program Anjung Ikhlas bagi satu kampung :

Perkara	Jumlah (RM)
Kelas Bimbingan Kafa	39,705.00
Program Komuniti	130,000.00
Kos Pentadbiran	243,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	RM 412,705.00